



**TEKS UCAPAN
PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.1/2019**

**OLEH
Y. BHG TN. HJ. ROSELY BIN KUSIP
PENGERUSI RISDA**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA
29 JANUARI 2019 (SELASA)
9.00 PAGI**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin
bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berbahagia Dato' Nasarudin bin Malek
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

Yang Berbahagia En. Abdullah bin Zainal
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA

Yang Berusaha En. Mohammad Zakaria bin Alang Zahari
Pengarah Bahagian Tanam Semula & Perladangan

Selaku penganjur Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.1/2019

Yang Berbahagia Tuan Hj. Sopian bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Pengarah-Pengarah Bahagian /Ketua-ketua Pegawai Eksekutif
Syarikat Milikan RISDA

Serta semua warga kerja RISDA yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul di dewan besar ini bagi sama-sama menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Kali pertama pada bulan ini. Saya berasa amat gembira untuk bersama-sama anda semua sekali lagi dalam majlis yang dianjurkan setiap bulan di Ibu Pejabat ini. Saya difahamkan perhimpunan ini akan diadakan setiap bulan dan akan mengikut sistem giliran Pengerusi dan Ketua Pengarah. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan RISDA

kerana memberi saya peluang untuk bertemu semua kakitangan RISDA kerana melalui perhimpunan seperti ini, kita dapat berinteraksi sesama kita dan saya juga berpeluang untuk menyampaikan isu-isu semasa kerajaan dan juga RISDA kepada

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

2. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Bahagian Tanam Semula & Perladangan selaku hos Perhimpunan

Bulanan RISDA kali ini. Rasanya belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2019 kepada semua. Pada tahun 2018, RISDA telah berjaya mengharungi pelbagai peristiwa pahit dan manis dengan penuh dedikasi dan jayanya. Pencapaian cemerlang tahun 2018 merupakan suatu manifestasi komitmen dan iltizam seluruh kakitangan RISDA. Saya dimaklumkan bahawa Tahun 2018 merupakan tahun yang cukup bermakna bagi seluruh kakitangan RISDA dengan pencapaian Sijil Bersih Kali Ke-22 berturut-turut daripada Jabatan Audit Negara, Anugerah

Majikan Prihatin Peringkat Badan Berkanun & Pihak Berkuasa Tempatan sempena Hari Pekerja 2018, dan lain-lain pencapaian yang telah meningkatkan imej organisasi ke peringkat yang lebih tinggi. Tahniah saya ucapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. RISDA merupakan sebuah agensi badan berkanun yang tidak pernah mengecewakan kerajaan dan masyarakat pekebun

kecil. Hasrat kerajaan dalam membangunkan masyarakat pekebun kecil telah diterjemahkan dengan prestasi cemerlang melalui pelbagai program dan aktiviti terus kepada pekebun kecil. Ikatan dan hubungan yang erat dikalangan kakitangan RISDA dengan pekebun kecil tidak perlu disangkal lagi. Pada tahun 2018, RISDA telah menerima peruntukan sebanyak RM 677 juta melibatkan RM 533.9 juta Bantuan Langsung Kerajaan dan RM 143 juta daripada Kumpulan Wang RISDA. Daripada bajet yang diterima sebanyak RM384.9 juta merupakan bajet pembangunan

melibatkan program tanam semula dan program – program sokongan. Tahniah saya ucapkan di atas pencapaian perbelanjaan 98% iaitu RM 378.1 juta daripada RM 384.9 juta yang telah diperuntukkan kepada RISDA ke atas semua program yang dilaksanakan.

4. Kedatangan Tahun 2019 sudah tentunya akan memberi cabaran baharu kepada seluruh kakitangan RISDA. Penghijrahan RISDA daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ke

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi diharapkan dapat membuka lembaran baru dan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan efektif. Saya menyeru seluruh kakitangan RISDA untuk terus mengamalkan budaya kerja yang berprestasi tinggi dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Oleh itu, pelaksanaan agenda RISDA bagi Tahun 2019 perlu dirancang dengan strategi yang lebih kreatif dan inovatif bagi mencapai misi dan visi kita. Ini sangat penting agar segala tindakan yang

dilakukan akan lebih sistematik, teratur dan membentuk halatuju yang jelas dan seterusnya memberi faedah kepada masyarakat pekebun kecil.

Hadirin sekalian,

5. Pada Tahun 2019 ini, RISDA berdepan dengan cabaran bagaimana untuk merealisasikan objektif RISDA 'Pekebun Kecil Memperoleh Purata Pendapatan RM4,000 sebulan sekeluarga

pada tahun 2020. Berdasarkan prestasi tahun 2018, purata pendapatan yang diperolehi oleh pekebun kecil adalah sebanyak RM3,294 sebulan sekeluarga. Jadi, situasi sekarang menunjukkan **“Business is not as usual anymore”**. Kita cuma ada tempoh satu tahun dari sekarang untuk menambah baki RM706 bagi mencapai objektif kita. Sedemikian, saya suka untuk mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama saya dan pengurusan RISDA untuk menggembiling tenaga, kepakaran dan

team spirit supaya menjelang 2020 kita sudah berjaya meningkatkan pendapatan pekebun kecil menjadi RM4,000.

6. Pada tahun ini, RISDA telah menerima kelulusan peruntukan keseluruhan sebanyak RM 721.4 juta melibatkan RM 538.5 juta Bantuan Langsung Kerajaan dan RM 182.9 juta ditampung oleh Kumpulan Wang RISDA. Peningkatan Bantuan Langsung Kerajaan membuktikan komitmen dan keyakinan

Kerajaan terhadap RISDA bagi membangunkan masyarakat pekebun kecil.

7. Sepertimana sedia maklum, program teras RISDA iaitu program tanam semula memainkan peranan yang sangat besar dalam menentukan kesinambungan perkhidmatan RISDA. Sepanjang program tanam semula dilaksanakan bermula pada tahun 1953 sehingga 2017, seluas 1,369,373 juta hektar tanah telah ditanam semula dengan getah. Namun saya yakin, terdapat

banyak tanah-tanah yang telah berubah syarat dan penggunaan selari dengan perkembangan semasa. Sedemikian, RISDA perlu merangka satu inisiatif yang dapat mengembalikan keluasan tanaman getah di negara bagi kelangsungan RISDA.

8. Kepentingan Program Tanam Semula dan Perladangan ini jelas apabila saban tahun hampir 82% peruntukan pembangunan Bantuan Langsung Kerajaan disalurkan kepada program tanam semula. Pada tahun 2019 peruntukan Bantuan Langsung

Kerajaan bagi program tanam semula bernilai RM 276 juta daripada RM 338.5 juta. Daripada peruntukan ini akan melibatkan penanaman semula getah ke getah sebanyak 22,260 hektar di seluruh negara dengan nilai RM 175 juta.

9. Selain itu, peruntukkan sejumlah RM6 juta daripada sumber Wang Ses bagi membuat bayaran balik wang ses kepada 164 buah estet melibatkan keluasan 86,784 hektar tanaman getah di seluruh Negara turut dilaksanakan. Aktiviti teras lain turut

melibatkan pembangunan Tanam Semula Berkumpulan (TSB) oleh pekebun kecil dan Tanam Semula Komersil (TSK) oleh Syarikat Milikan RISDA RPSB. Sementara itu, RISDA juga masih bertanggungjawab kepada aktiviti Tanam Semula Agensi seperti FELDA, FELCRA dan JAKOA. Bagi tanam semula agensi, sebanyak 196 projek melibatkan 17,743 hektar telah dilaksanakan dengan penglibatan 10,213 peserta.

10. Selain fungsi-fungsi di atas, kita juga bertanggungjawab menyelia dan mengawal ladang dan kilang RISDA yang diuruskan oleh RISDA Estates Sdn Bhd. melibatkan Tanah-tanah RISDA seluas 47,590 hektar dan 3 kilang sawit RISDA.

Hadirin sekalian,

11. Pada tahun 2019, saya difahamkan RISDA telah merancang beberapa program dan inisiatif baru kepada pekebun kecil RISDA.

Program baru adalah Program Getah Integrasi iaitu bantuan secara *one off* kepada pekebun kecil bagi menjalankan tanaman kontan. Bagi program ini, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan. Pekebun kecil yang berminat dan layak akan menerima bantuan sehingga RM5 ribu per hektar. Program ini dijangka akan melibatkan 500 orang pekebun kecil dengan keluasan tanaman sebanyak 1,000 hektar. Program ini dibuat sebagai salah satu langkah bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil disebabkan oleh kejatuhan harga getah di pasaran.

Inisiatif-inisiatif lain yang dirancang pada tahun 2019 adalah :

- i. Program Intensif Care Unit Tanam Semula - inisiatif ini akan melibatkan pemulihan projek-projek sakit di lapangan.
- ii. Rubber Replanting Expert - inisiatif ini diadakan bagi melahirkan pakar tanam semula di setiap zon.
- iii. Seminar & Bengkel Tanam Semula - inisiatif ini diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dalam tanam semula dengan pendekatan cakna dasar dan peraturan.

- iv. Memperkasakan Pemantauan Ladang dan Kilang RISDA - inisiatif ini diadakan bagi memantau secara berkala di samping mengawal perbelanjaan ladang dan kilang RISDA.
- v. BTSP Mesra TSK - inisiatif ini bagi mengenalpasti masalah di peringkat TSK yang diuruskan oleh SMR
- vi. Pemantapan TSB - inisiatif ini bagi mengenalpasti masalah di peringkat TSB dan cara-cara pemulihannya bagi menjamin kejayaan projek

Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga RISDA sekalian

12. Kita sedia maklum bahawa kita dihujani pelbagai rungutan dan aduan daripada pekebun kecil terutama di lapangan dan negeri-negeri. Tambahan pula dengan harga getah yang kurang stabil di pasaran. Apa yang lebih membimbangkan adalah penurunan harga getah ini turut menyumbang kepada pengurangan jumlah pengeluaran getah tahunan. Jumlah pengeluaran getah negara setakat November 2018 menyusut

33% iaitu 548,293 tan metrik berbanding 826,000 tan metrik pada tahun 2013. Ini menunjukkan bahawa pekebun kecil menerima kesan negatif bagi isu di atas untuk terus menoreh. Impak kepada RISDA pula apabila produktiviti getah hanya mencapai 98% iaitu 1,715kg/hek/thn berbanding 1,740kg/hek/thn setakat Disember 2018. Ini juga merupakan satu lagi cabaran kepada RISDA dalam usaha untuk mencapai 1,800kg/hek/thn pada tahun 2020. Saya berharap RISDA dapat melihat semula senario yang sedang

berlaku supaya impian RM4,000 sebulan sekeluarga dapat direalisasikan pada tahun 2020.

13. Dalam usaha kita untuk terus membantu pekebun kecil menghadapi situasi kejatuhan harga getah dan musim tengkujuh, kerajaan telah memberi mandat kepada RISDA untuk menyalurkan Bantuan Musim Tengkujuh. Dengan bajet sebanyak RM 164 juta, seramai 274,639 orang pekebun kecil telah menerima imbuhan RM 600 setiap orang. Sehingga hari ini, kita

telah membuat 85% bayaran kepada pekebun kecil terlibat dan baki akan dibayar pada awal bulan Februari nanti.

14. Akhir kata dengan semangat tahun baru marilah seluruh warga RISDA mempertingkatkan keazaman untuk membawa RISDA ke mercu kejayaan yang lebih tinggi. Dengan usaha yang lebih gigih dan disiplin yang tinggi serta berpegang kepada nilai-nilai hidup yang murni, kita akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2019. Bersama-samalah kita harmoni

dalam suasana kerja yang kondusif dan berusaha memperkasakan RISDA agar sentiasa dihormati dan terus menabur bakti demi kesejahteraan masyarakat pekebun kecil.

15. Dengan itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ketua Pengarah RISDA, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian Tanam Semula dan Perladangan dan semua kakitangan BTSP yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan majlis perhimpunan bulanan kali ini.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.